

Mahathir tolak dakwaan 'sombong'

BUKIT MERTA-

JAM 3 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan setengah golongan kononnya beliau "sombong" semata-mata kerana tidak memegang tangan dengan erat dan tidak bertentangan mata ketika bersalaman.

"Ada pihak yang berkata bila bersalam saya ini tidak pegang tangan kuat dan tidak tengok biji mata, mengikut agama kononnya bila bersalam kita kena pegang kuat-kuat dan pandang biji mata," ujarinya.

Beliau membuat penerangan ini ketika berucap di perhimpunan SEMARAK peringkat negeri di Empangan Mengkuang di sini, sambil menyatakan un-

tuk bersalam adalah mudah tetapi untuk bersalaman dengan 70 atau 80 ribu orang bukannya mudah.

Biasanya pada Hari Raya beliau bersalaman dengan kira-kira 8,000 orang hingga lenguh tangan tapi kalau hendak bersalam dengan 80,000 orang mungkin terpaksa diganti dengan tangan kayu selepas itu, tambah Dr. Mahathir secara berseloroh disambut dengan gelak ketawa dari hadirin.

Bagaimanapun, beliau menyebut melalui SEMARAK itu pemimpin dan rakyat dapat bertemu secara lebih dekat walaupun mungkin tidak dapat untuk bersalaman dengan semua mereka yang hadir.